



Nestlé Good food, Good life

Siaran Akhbar

Petaling Jaya, 27 Februari 2024

Tan Sri Wan Zulkiflee Wan Ariffin Bakal Dilantik Pengerusi Nestlé Malaysia

PETALING JAYA, 27 Februari 2024 – Nestlé (Malaysia) Berhad hari ini mengumumkan pelantikan ahli Lembaga Pengarah sedia ada, Tan Sri Wan Zulkiflee Wan Ariffin sebagai Pengerusi baharu berkuatkuasa 1 Mei 2024. Ini akan berlaku susulan persaraan YAM Tan Sri Dato' Seri Syed Anwar Jamalullail pada 30 April 2024, yang akan meletakkan jawatan selepas Mesyuarat Agung Tahunan akan datang, menamatkan khidmat beliau selama 15 tahun di dalam Lembaga Pengarah.

Berbekalkan pengalaman luas meliputi lebih 40 tahun, kerjaya Tan Sri Wan Zulkiflee merangkumi peranan kepimpinannya dalam pelbagai organisasi terkemuka seperti PETRONAS, Malaysia Airlines Berhad dan Malaysia Aviation Group Berhad. Dengan kepakaran menyeluruh dalam bidang pengurusan, pembangunan kepimpinan, kewangan, hal-ehwal kawal selia dan ekonomi, Tan Sri Wan Zulkiflee juga berkhidmat sebagai ahli Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur, Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara, Majlis Petroleum ASEAN, dan juga Lembaga Pengawasan Inisiatif Sistem bagi Membentuk Masa Depan Tenaga di bawah Forum Ekonomi Dunia (WEF), Forum Gabenor Minyak & Gas WEF dan Kumpulan Bertindak Minyak & Gas WEF. Buat masa ini, beliau mempengerusikan Lembaga DRB-HICOM Berhad dan Gas Malaysia Berhad.

Tan Sri Wan Zulkiflee juga telah memberikan sumbangan besar kepada dunia akademik. Beliau kini berkhidmat sebagai ahli Lembaga Pemegang Amanah Razak School of Government dan Profesor Adjung di Kuliyyah Ekonomi dan Sains Pengurusan di Universiti Islam Antarabangsa. Beliau juga sebelum ini memegang jawatan sebagai Pro-Canselor

Universiti Teknologi PETRONAS, ahli Majlis Penasihat Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) dan Penasihat Industri Fakulti Kejuruteraan Universiti Putra Malaysia.

###

Mengenai Nestlé Malaysia

Nestlé merupakan pengeluar makanan dan minuman terbesar di dunia. Beribu pejabat di Switzerland, Nestlé beroperasi di lebih 180 negara di seluruh dunia, dan seramai lebih 270,000 orang kakitangan kami komited terhadap matlamat Nestlé, yang berusaha memanfaatkan kelebihan makanan untuk meningkatkan kualiti kehidupan untuk semua insan, masa kini dan untuk generasi masa depan. Prestasi kami dipacu oleh strategi Pemakanan, Kesihatan dan Kesejahteraan kami. Menjana khasiat rakyat Malaysia sejak 1912, Nestlé telah meraih kepercayaan para pengguna kami menerusi jenama dan produk kami yang bermutu tinggi. Kami juga komited untuk mempertingkatkan kualiti kehidupan masyarakat di mana kami beroperasi, sambil mengekalkan kecemerlangan dan ketelusan produk Halal kami.

Ini sejajar dengan janji kami untuk menawarkan GOOD FOOD, GOOD LIFE kepada semua. Untuk ketahui lebih lanjut tentang usaha kami menjana khasiat rakyat Malaysia melebihi seabad, sila layari www.nestle.com.my atau kunjungi laman Facebook kami di <http://www.facebook.com/NestleMalaysia>.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Shaheen Zaffar

Nestlé (Malaysia) Berhad
Tel: (+603) 7965 6456
Bimbit: +6012-235 6865
E-mel: shaheen.mohamedzaffar@my.nestle.com

Shahida Irawan atau Yasmin Kadir

acorn communications
Tel: (+603) 7958 8348
Bimbit: +6019 688 7204 (Shahida) atau
+6017-237 9048 (Yasmin)
E-mel: acorncommunications@acornco.com.my